

CNS0250

U GB 08-02 00188 BH902

aab

Mahathir - Paradigma (Bergambar)

M'SIA BERPOTENSI CAPAI KECEMERLANGAN MENERUSI ERA PEMIKIRAN BARU

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia berpotensi menjadi sebuah negara cemerlang menerusi era pemikiran baru yang tidak terbatas di kalangan semua pihak.

Perdana Menteri berkata semua pihak perlu melepasi sekatan diri mereka sendiri kerana negara ini secara keseluruhannya boleh membangun dengan lebih baik lagi daripada apa yang dilakukan sekarang.

"Sebenarnya, tidak ada had terhadap apa yang boleh kita lakukan asalkan kita memecahkan halangan psikologi dan membina paradigma baru," katanya ketika berucap pada seminar "Menangani cabaran Wawasan 2020: Ke arah pembentukan paradigma baru Perkhidmatan Awam" anjuran Institut Tadbiran Awam (Intan) di sini.

"Hanya kalau kita sudah menembusi mentaliti sempadan ini, barulah kejayaan dapat dicapai dan untuk itu kita perlu meletakkan matlamat kita lebih jauh bagi membolehkan usaha yang lebih dibuat," katanya.

Untuk tujuan itu beliau mahukan semua pihak, terutama para pentadbir, mempunyai keyakinan diri bahawa "kita boleh", mengkaji apa yang telah dijalankan dan meneliti kejayaan sekarang bagi memikirkan bagaimana untuk melakukannya dengan lebih baik. -- lagi

▼08/02/14-56MST

U GB 08-02 00167 BH903

aab

Mahathir - Paradigma 2 Kuala Lumpur

Dalam hal ini beliau bersyukur kerana semua pihak dalam pentadbiran awam sentiasa berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan keupayaan supaya dapat menyumbang kepada pembangunan negara ke arah mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju.

"Hari ini tumpuan ialah kepada perluasan paradigma kerana sekiranya kita percaya kita hanya mampu mencapai sesuatu had, dengan sendirinya ia menhadkan pencapaian kita yang sebenar.

"Kita sebagai sebuah negara ingin mengubah paradigma ini. Kita mahu mengubah sempadan yang menhadkan pembangunan negara," katanya dan menambah kata bahawa keadaan itu, yang disogokkan oleh penjajah, tidak sesuai lagi sekarang.

Dr Mahathir bangga kerana Almarhum Tunku Abdul Rahman dan Allahyarham Datuk Onn Jaafar dapat melepaskan diri mereka daripada paradigma yang ditetapkan oleh penjajah dengan mendesak kemerdekaan negara.

Beliau juga bangga kerana Malaysia mampu mencapai kadar pertumbuhan yang tidak pernah dicatatkan semasa di bawah pemerintahan penjajah sedangkan mereka (penjajah) dulu beranggapan bahawa pemimpin negara ini tidak mampu mengemudi negara ke arah kejayaan. -- lagi

▼08/02/15-09MST

U GB 08-02 00151 BH912

aab

Mahathir - Paradigma 3 Kuala Lumpur

Mengenai perkhidmatan awam, Perdana Menteri berkata semua pegawai mesti mempunyai kesanggupan untuk membuat penelitian berterusan terhadap usaha mereka bagi membolehkan pembetulan dibuat jika perlu.

"Perkara ini boleh dilakukan. Ianya belum terlambat. Sekiranya kita mengambil langkah yang salah, kita melangkah setapak ke belakang untuk bergerak ke arah yang lain," katanya.

Di samping itu, beliau juga berkata bahawa kepakaran boleh diperolehi dengan melakukan sesuatu pekerjaan berulang kali.

"Kita boleh mencatat pencapaian lebih tinggi hanya dengan berusaha berulang kali. Jika kita gagal, lakukan sekali lagi."

Dr Mahathir berkata walaupun beliau sedar pegawai perkhidmatan awam perlu diberi pampasan yang secukupnya bagi tugas yang mereka jalankan, tetapi anugerah yang lebih baik ialah kepuasan yang diperolehi daripadanya.

Beliau memuji sikap profesional perkhidmatan awam, yang menurutnya telah memudahkan tugas beliau mentadbir dan membangunkan negara menerusi kerjasama yang padu. -- lagi

▼08/02/15-54MST

CNS0312

U GB 08-02 00153 BH913

aab

Mahathir - Paradigma 4 (akhir) Kuala Lumpur

Mengenai resolusi 12 perkara yang dirumuskan sepanjang seminar dua hari itu, yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, Dr Mahathir berkata kebanyakannya layak diberi perhatian selanjutnya.

Katanya, seseorang itu tidak boleh menutup fikirannya terhadap sebarang cadangan dan mesti sanggup menelitinya dengan fikiran terbuka dan tanpa bersikap berat sebelah.

Dalam hal ini, beliau menceritakan bagaimana cadangan kerajaan mewujudkan Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom) bukan sahaja diragui keupayaannya oleh masyarakat tetapi juga oleh beberapa Menteri Kabinet sendiri.

"Tetapi hari ini, mereka berebut-rebut mendapatkan borang (tawaran saham) hinggakkan pengambilan borang terpaksa dilakukan di Stadium Merdeka," katanya menyentuh mengenai keghairahan orang ramai memohon saham terbitan yang ditawarkan oleh Hicom.

Selepas menyampaikan ucapan kira-kira 40 minit, Dr Mahathir mengadakan dialog tertutup lebih satu jam setengah dengan pegawai-pegawai kanan perkhidmatan awam. -- Bernama

JO SIA